

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 24/5 / 2008

PM minta rakyat terima keputusan ICJ

um - 24/5/2008

Daripada FAUZIAH AROF

TOKYO 23 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua rakyat Malaysia terutama penduduk Johor menerima keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang memutuskan Pulau Batu Putih milik Singapura.

Perdana Menteri berkata, walaupun beliau sedih dengan keputusan tersebut tetapi menerimanya kerana ia dibuat melalui persefahaman bersama Malaysia-Singapura selepas kedua-dua negara bersetuju membawa pertikaian itu ke ICJ pada 1993.

Bagaimanapun, beliau melihat situasi menang-menang dalam keputusan tersebut kerana Malaysia diberi kedaulatan ke atas Middle Rocks sementara South Ledge pula tertakluk kepada wilayah perairan di mana ia terletak.

"Menang pun tak menang semua, kalah pun tak kalah semua. Itulah keadilannya. Saya tahu rakyat Malaysia terutama penduduk Johor akan ada yang emosional menge-

nai keputusan ini.

"Kita perlu ingat bahawa keputusan ini dibuat secara aman dan adil. Keadilan itu mestilah diakui," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Mengulas keputusan ICJ mengenai kedaulatan Pulau Batu Putih hari ini, Perdana Menteri yang sedang melawat Jepun menegaskan, satu langkah segera akan diambil untuk memastikan kedudukan sempadan South Ledge yang belum ditetapkan pemiliknya.

"Kita akan mengambil tindakan-tindakan seterusnya untuk menentukan garis-garis sempadan di kawasan perairan berkenaan," katanya.

Beliau yakin South Ledge adalah milik Malaysia.

Dalam pada itu, Abdullah memberitahu, beliau akan menghadap Sultan Johor, Sultan Iskandar Sultan Ismail untuk memaklumkan mengenai keputusan tersebut.

"Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Rais Yatim juga akan menghadap sultan dan akan memberi penerangan kepada rakyat selepas ini," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin Singapura mengenai keputusan itu, Perdana Menteri berkata, tindakan tersebut tidak perlu dilakukan.

"Rais akan berjumpa rakan sejawatannya di Singapura untuk menentukan tindakan-tindakan yang akan diambil dalam perkara ini," katanya.

Menjawab satu soalan yang mengaitkan keputusan tersebut dengan kepimpinan beliau, Abdullah berkata, beliau pasti selepas ini ada pihak akan mempertikaikan kewibawaannya.

"Ini perkara biasa. Dengan keputusan mahkamah itu, nanti ada macam-macam. Orang yang tidak suka kita akan marah kita.

"Tetapi saya ingin jelaskan bahawa pasukan yang membawa kes ini ke ICJ adalah pasukan yang sama semasa kita menang dalam kes Pulau Sipadan dan Ligitan dulu," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau merakamkan penghargaan kepada semua pakar dan pegawai Malaysia yang terlibat membuat perseediaan membawa kes itu ke ICJ.